

Solat (Sembahyang)

(Sambungan dari Qalam bilangan 204)

Di bawah ini kita bentangkan pula pendapat-pendapat daripada beberapa orang para ulama ahli fikah mengenai hukum bunuh atau tidak atas orang-orang Islam yang meninggalkan sembahyang berdasarkan hadith-hadith yang telah lalu – pengarang.

(Oleh: Haji Munawar Khalil)

Pendapat para ulama ahli fikah:

Berhubung dengan adanya hadith-hadith sebagaimana yang telah kita bentangkan di dalam bilangan yang lalu seperti hadith (Nombor 19-24) – dan lain-lain hadith lagi yang tidak kita kutip di sini – maka para ulama ahli *al-ijtihad* dalam membahas dan menetapkan hukum “bunuh” atas orang-orang Islam yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja, mereka di antara satu sama lain berselisih pendapat.

Abū Ḥanīfah dan sekalian para sahabatnya seperti Al-Thawrī dan segolongan ulama *ahli Kūfah* berpendapat dan menetapkan, bahawa orang-orang Islam yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja kerana malas atau mengangap ringan, mereka itu tidak boleh dikufurkan dan tidak wajib dijatuhi hukuman bunuh. Mereka itu hanya wajib didera dan dipenjarakan sehingga mereka kembali mengerjakan sembahyang.

Al-Muznī (sahabat al-Shāfi‘ī) sependapat dengan Abū Ḥanīfah dan sahabat-sahabatnya, dan demikian pula Daud bin Alī.

Tegasnya selagi seseorang Islam yang meninggalkan sembahyang itu tidak mahu kembali mengerjakan sembahyang, maka selama itu ia wajib dipenjarakan selama-lamanya hingga mati. Menurut riwayat, bahawa Sa‘id bin al-Musayyib, ‘Amrū bin ‘Abdul ‘Azīz dan Al-Zuhri sama satu pendapat dengan Al-Muznī dan Abū Ḥanīfah.

Al-Imām Mālik dan al-Shāfi‘ī berpendapat dan menetapkan: Bahawa orang-orang Islam yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja itu wajib dihukum bunuh dengan *ḥad* dan mereka itu tidak boleh dikufurkan. Cara membunuhnya dengan dipenggal batang lehernya dengan pedang; dan ada pula setengah ulama mengatakan dipukuli dengan kayu sampai mati.

Sufyān bin Sa‘īd Al-Thawrī, Abū ‘Āmir Al-Awza‘ī, ‘Abdullah bin Al-Mubārak, Hammād bin Zaid dan Wakī‘ bin al-Jarrāḥ berpendapat sedemikian itu juga. (Yakni satu pendapat dengan Al-Imām Mālik dan al-Shāfi‘ī).

Al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal dan Ishāq bin Rāhuwiyah berpendapat: Bahawa orang-orang Islam yang meninggalkan

sembahyang dengan sengaja itu dibunuh kerana kekufurannya dan berlakulah di atasnya hukum orang yang murtad. Jenazahnya tidak boleh diesembahyangkan dan harta peninggalannya hendaklah dirampas dan tidak boleh dipusakai oleh ahli-ahli warisnya.

Kadar sembahyang yang ditinggalkan:

Selanjutnya para ulama ahli ijtihad berselisih pendapat tentang kadar sembahyang yang ditinggalkan yang mengakibatkan wajib dihukum bunuh ke atas mereka yang meninggalkannya itu. Satu sembahyang atau duakah atau berapa sembahyang?

Tentang ini Al-Nawawī menegaskan: Sebahagian besar daripada para ulama menetapkan: Dihukum bunuh ke atas setiap orang Islam yang meninggalkan satu sembahyang. Dan inilah pendapat yang muktabar di sisi mazhab Al-Imām al-Shāfi‘ī.

Cara-cara melaksanakan hukum bunuh:

Kemudian tentang cara-cara melaksanakan hukum bunuh ke atas orang-orang Islam yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja itu, adakah patut disegerakan atau diberikan kesempatan (tempoh) kepada mereka? Tentang ini para ulama agak

berselisih pendapat. Tetapi Al-Nawawī menyatakan: Pendapat yang lebih tepat, bahawa hukum bunuh itu wajib disegerakan dengan tidak payah diberi tempoh.

Ibn Al-Qayyim di dalam kitabnya “*Al-Ṣalāh*” meriwayatkan bahawa Sufyān Al-Thawrī, Mālik dan Aḥmad (dalam salah satu riwayat daripadanya) menetapkan, dihukum bunuh dengan sebab meninggalkan satu sembahyang sahaja; dan inilah pendapat mazhab Shāfi‘ī dan Aḥmad.

Para ulama yang berpendapat: “Wajib dijatuhi hukum bunuh” ke atas orang-orang Islam yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja itu, mereka adalah beralasan kepada bunyi lafaz hadith nombor 19 dan 20 dan dengan beberapa hadith yang lain yang tidak kita kutip di sini.

Huraian lebih lanjut:

Tentang kekufuran orang-orang Islam yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja, dan demikian pula tentang hukum mereka itu wajib dibunuh, sekalipun ada berselisihan pendapat di antara para ulama ahli fikah, kerana berselisihan dalam mereka memahami hadith-hadith Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* – yang di antaranya seperti hadith-hadith yang telah kita kemukakan di dalam bilangan yang lalu - namun begitu kaum Muslimin janganlah lekas merasa terharu dengan adanya perselisihan pendapat mereka itu.

Ada pun para ulama yang berpendapat: “Tidak harus dijatuhi hukum bunuh” itu,

mereka adalah beralasan dengan lafaz hadith nombor 21 dan nombor 24, dan beberapa hadith yang lain yang tidak kita kutip di sini.

Jalan yang sebaik-baiknya bagi kita (kaum Muslimin) harus kita menyelidiki akan tujuan ayat-ayat al-Qur’ān yang bersangkutan paut dengan amalan sembahyang. Antara lain ayat (5) dari *Sūrah al-Tawbah* yang berbunyi:

“*Fa in tābū wa aqāmū al-ṣalāta wa ātawū al-zakāta fa khallū sabīlahum inna Allāha ghafūru raḥīm*”.

Ertinya: “Maka jika mereka bertaubat dan mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat, maka biarkanlah mereka pada jalan mereka, kerana sesungguhnya Allah itu Maha Pengampun lagi Penyayang.” Dan satu ayat yang lain di dalam *Sūrah al-Tawbah* juga ayat (11) berbunyi:

“*Fa in tābū wa aqāmū al-ṣalāta wa ātawū al-zakāta wa ikhwānukum! fī al-dīni wa nufaṣṣilu al-ayāti liqawmin ya‘lamūn*”.

Ertinya: “Maka sekiranya mereka bertaubat dan mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat, maka mereka itu adalah saudara-saudara kamu dalam agama (Islam), dan kami terangkan ayat-ayat kepada kaum yang mahu mengerti”.

Selain dari itu hendaklah kita rajin-rajin dan berusaha pula menyelidiki isi kandungan hadith-hadith Nabi yang menunjukkan bahaya-bahaya orang-orang Islam yang meringan-ringankan urusan kewajipan sembahyang.

Tentang tujuan hadith nombor 21 (dari Abū Hurairah) yang bertingkat *mutawātir* itu tidaklah bertentangan maksudnya dengan hadith nombor 19 (dari Ibn ‘Umar) yang bertingkat sahih itu. Kerana hadith nombor 21 yang diriwayatkan dari Abū Hurairah itu dalam suatu riwayat lain yang diriwayatkan oleh Muslim di dalam sahihnya ada yang berbunyi dengan lafaz:

“*Ḥatta yashhadū an lā ilaha illā Allāhu wa yu‘minūbī wa bimā ji‘ta bih*”.

Ertinya: “Sehingga mereka mengucapkan syahadah: Tidak ada Tuhan melainkan Allah, dan mereka percaya kepadaku dan kepada apa yang telah aku datangkan.”

Dengan demikian jelaslah kiranya bahawa bunyi lafaz hadith nombor 21 itu tidak bererti, bahawa orang yang tidak boleh diperangi (dibunuh) itu ialah orang-orang yang telah mengucapkan syahadah sahaja. Oleh sebab itu maka sebahagian daripada para ulama ahli Al-Ḥadīth, di antara mereka itu ialah Abū ‘Amr bin al-Ṣalāh yang telah memberikan penjelasan demikian: “Boleh jadi tidak terdapat tentang sembahyang dan zakat dalam hadith yang diriwayatkan dari Abū Hurairah yang dipergunakan sebagai dalil oleh para ulama yang tidak mewajibkan menjatuhi hukum bunuh ke atas orang yang meninggalkan sembahyang, adalah kerana perkataan-perkataan itu tidak menyebutkannya. Dapat dikatakan demikian, kerana perkataan-perkataan tersebut terdapat di dalam hadith-hadith yang lain.”

Kata Al-Nawawī (seorang ‘alim besar daripada pengikut Imam

¹ Perkataan sebenarnya adalah *fa ikhwānukum*.

al- Shāfi‘ī) dalam menjelaskan hadith-hadith dari Ibn ‘Umar dan Anas bin Mālik (nombor 19-20): “Kewajipan para hakim menjatuhkan hukum bunuh ke atas orang-orang Islam yang meninggalkan sembahyang dan tidak mengeluarkan zakat walau pun ia mengucap syahadah. Barangsiapa yang telah mengakui kewajipan sembahyang, tetapi meninggalkannya dengan sengaja, maka ia wajib dibunuh.”

Al-Shawkānī memberi penjelasan, bahawa hadith dari Ibn ‘Umar dan Anas bin Mālik itu menunjukkan, bahawa orang yang meninggalkan sembahyang satu dari tiga (syahadah, sembahyang dan zakat) itu halal darah dan harta bendanya, apabila ia tidak bertaubat.

Sebahagian daripada para ulama ahli al-Hadīth menjelaskan, bahawa Hadith-hadith yang dipergunakan untuk dijadikan alasan oleh para ulama yang menetapkan: “Tidak boleh dijatuhkan hukum bunuh atas orang-orang yang meninggalkan sembahyang” semuanya itu hadith-hadith yang mutlak. Hadith-hadith yang mutlak itu telah *diqayadkan* oleh hadith-hadith yang dijadikan alasan oleh para ulama yang menetapkan: “Wajib dijatuhkan hukuman bunuh ke atas orang-orang Islam yang meninggalkan sembahyang”. Kemudian mereka mengemukakan riwayat yang menunjukkan, bahawa dari para sahabat Nabi tidak dinukilkan selain dari menjatuhkan hukum bunuh ke atas orang-orang yang meninggalkan sembahyang kerana kufurnya.

Di dalam lain barisan Al-Shawkānī menjelaskan pula, bahawa sekalian para ulama Islam, baik yang *salaf* mahu pun yang *khalaf*, mereka dari golongan Ash‘ariyah mahu pun dari golongan Mu‘tazilah dan lain-lainnya menetapkan, bahawa hadith-hadith yang menerangkan tentang: “Bahawa orang-orang yang mengucap: *Lā ilaha illā Allāh* akan dimasukkan ke dalam syurga itu *diqayadkan* (ditentukan) dengan ketiadaan meninggalkan sesuatu amalan yang diwajibkan oleh Allah daripada beberapa kewajipan, dan dengan ketiadaan mengerjakan dosa-dosa besar yang tidak boleh diampuni dengan bertaubat dari orang-orang yang mengerjakannya. Dan sekalian para ulama berpendapat, bahawa seseorang itu kalau semata-mata hanya mengucapkan syahadah tidaklah akan menjamin dirinya untuk masuk ke dalam syurga.

Selanjutnya Al-Shawkānī menyatakan, bahawa kalimah “kufur” yang telah dikatakan oleh Rasulullah atas orang-orang yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja itu tetap kami katakan “kufur” juga, tidak sepatutnya kami tambah dari ukuran itu dan tidak seharusnya kami takwili dengan sesuatu – yang lain – daripadanya.

Shaykh Muhammad al-Khudri menyatakan: “Bahawa di dalam Qur’an yang mulia tidak ada suatu perintah yang lebih penting dan lebih kukuh kuat daripada perintah mendirikan sembahyang, hingga cara-caranya di dalam perintah itu diterangkan dengan sejelas-jelasnya, ada kalanya dengan memuji-muji akan orang-orang yang

mengerjakan sembahyang itu dengan saksama, dan ada kalanya dengan meletakkan cercaan kepada orang-orang yang meninggalkannya. Oleh sebab itu, maka maka² dapatlah diambil kesimpulan, bahawa tidak ada keuntungan bagi orang-orang yang meninggalkan sembahyang itu, atau melupa-lupakannya atau pun tidak memperdulikannya, kerana sembahyang itu adalah tiang agama yang terutama”.

*

Kata-kata Hikmah

Kesengsaraan dengan penuh keinsafan adalah berfaedah. Kemewahan yang disertakan dengan sifat kesombongan itu, tak ubahnya seperti seorang yang menggali lubang pada jalan yang akan dilaluinya, - Mokhtar Latif.

*

Kemuliaan yang sebenarnya itu tercapai dengan perantaraan ilmu pengetahuan dan adab sopan, bukannya dengan perantaraan asal dan keturunan bangsa. – Saiyidina ‘Ali.

*

Jika hidupmu tidak kau berikan sebagai suatu barang pertaruhan, maka jangan diharap kebahagiaan hidupmu akan tercapai. - Secilar.

*

Jagalah baik-baik dirimu, pertahankanlah akan kemuliaannya kerana engkau dipandang manusia bukan dari kerana rupamu, tetapi dari kesempurnaan budi pekertimu. Sesungguhnya orang yang baik itu, sentiasa berada di dalam kenikmatan - Nabi Muhammad (s.a.w).

² Pengulangan perkataan maka.